

LAPORAN MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BERSAMA KAKITANGAN JPPM NEGERI PERLIS DAN PERASMIAN SUDUT KESIHATAN KOSPEN

1.0 LATAR BELAKANG

Majlis ini adalah anjuran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis.

Majlis ini telah diadakan seperti ditetapkan berikut :

Tarikh	:	16 Mac 2018 (Jumaat)
Masa	:	9.30 pagi hingga 12.30 tengahari
Tempat	:	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

2.0 TUJUAN

Majlis ini ialah lawatan kerja Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ke jabatan di seluruh negeri. Ini merupakan salah satu aktiviti jabatan untuk beramah mesra dengan Ketua Pengarah JPPM dan mendengar amanat yang ingin disampaikan oleh Ketua Pengarah JPPM kepada kakitangan JPPM Negeri Perlis. JPPM Negeri Perlis juga telah menjemput Ketua Pengarah JPPM untuk merasmikan Sudut Kesihatan Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) yang telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada inisiatif JPPM Negeri Perlis bagi amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

3.0 OBJEKTIF

- Mengeratkan hubungan kakitangan JPPM Negeri Perlis dengan Ketua Pengarah JPPM.
- Mendengar amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah kepada kakitangan JPPM Negeri Perlis bagi meningkatkan prestasi jabatan.
- Berkongsi idea bagi menambahbaik perkhidmatan yang disampaikan oleh jabatan kepada pertubuhan.
- Menggalakkan kakitangan JPPM Negeri Perlis ke arah cara hidup yang lebih sihat melalui pewujudan Sudut Kesihatan KOSPEN.

LAPORAN MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BERSAMA KAKITANGAN JPPM NEGERI PERLIS DAN PERASMIAN SUDUT KESIHATAN KOSPEN

4.0 KAKITANGAN YANG DIJEMPUT

4.1 JEMPUTAN

Surat jemputan bertarikh 12 Mac 2018 telah dihantar melalui emel dan pos kepada Ketua Pengarah JPPM. Makluman kepada kakitangan JPPM Negeri Perlis juga telah dihantar melalui emel pada 12 Mac 2018.

4.2 JUMLAH KEHADIRAN WAKIL TAKLIMAT DAN MAJLIS

Seramai 15 peserta terdiri daripada Ketua Pengarah JPPM, Pengarah JPPM Negeri Perlis, wakil dari ibu pejabat JPPM dan kakitangan JPPM Negeri Perlis telah hadir dalam majlis ini.

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- 5.1 Bhg 1– Ucapan Alu-aluan dan pembentangan Pengenalan dan Prestasi Jabatan dimana diterangkan mengenai latarbelakang, kewangan dan pentadbiran serta pengurusan pertubuhan JPPM Negeri perlis. Pembentangan ini disampaikan oleh Pn. Rohaida Binti Hassan, Pengarah JPPM Negeri Perlis.
- 5.2 Bhg 2 – Ucapan Amanat oleh Y,Bhg. Puan Surayati Binti Ibrahim, Ketua Pengarah JPPM kepada kakitangan JPPM Negeri Perlis.
- 5.3 Bhg 3- Majlis Perasmian Sudut Kesihatan KOSPEN Y,Bhg. Puan Surayati Binti Ibrahim, Ketua Pengarah JPPM.

6.0 IMPAK/HASIL

- ✓ Majlis ini telah berjaya mengeratkan hubungan kakitangan JPPM Negeri Perlis dengan Ketua Pengarah JPPM.
- ✓ Kakitangan JPPM Negeri Perlis telah menerima nasihat yang bermanfaat daripada Ketua Pengarah JPPM untuk diaplikasikan bagi meningkatkan prestasi jabatan.
- ✓ Meningkatkan semangat kakitangan JPPM Negeri Perlis untuk mengamalkan cara hidup sihat.

LAPORAN MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BERSAMA KAKITANGAN JPPM NEGERI PERLIS DAN PERASMIAN SUDUT KESIHATAN KOSPEN

7.0 GAMBAR SEKITAR MAJLIS AMANAT DAN PERASMIAN SUDUT KESIHATAN



Foto 1. Ucapan Amanat oleh Y.Bhg. Puan Surayati Binti Ibrahim, Ketua Pengarah JPPM



Foto 2. Majlis Perasmian Sudut Kesihatan KOSPEN

LAPORAN MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BERSAMA KAKITANGAN JPPM NEGERI PERLIS DAN PERASMIAN SUDUT KESIHATAN KOSPEN



Foto 3. Y.Bhg. Puan Surayati Binti Ibrahim, Ketua Pengarah JPPM menandatangani buku pelawat

Disediakan oleh :

SITI NOOR ASHIEKAH BINTI HAMAT

Penyelaras Majlis

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

29 Mac 2018